

## Siri ketiga Banci 2010 diterbit Disember

PUTRAJAYA 14 Sept. - Laporan Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuaasa Tempatan (PBT) dan Mukim yang akan diterbitkan Disember ini menepati Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, laporan tersebut merupakan penerbitan ketiga dalam siri Banci Penduduk Dan Perumahan yang dijalankan jabatan itu pada tahun lepas.

Menurut beliau, jabatannya pada masa ini turut sibuk mengumpul dan memproses data bagi projek Banci Ekonomi 2011 yang dijangka dikeluarkan pada Jun 2012.

"Jabatan Perangkaan juga telah menjalankan penyiasatan gaji dan upah yang memberi maklumat terperinci mengenai taburan gaji dan upah penduduk Malaysia.

"Data ini dalam edaran terhad kepada pengguna utama, kajian sedang dibuat untuk mengedarkan maklumat ini sebagai sebaran umum," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Aidilfitri Jabatan Perangkaan di sini hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pihaknya akan meneruskan usaha menambah baik sistem penyusunan data Akaun Negara dengan menerapkan manual Sistem Akaun Negara 2008 bagi menggantikan sistem sedia ada.

"Perubahan ini akan dilakukan secara berperingkat dan selaras dengan cadangan Divisyen Statistik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.



SEBAHAGIAN daripada warga Jabatan Perangkaan mengambil juadah di Majlis Jamuan Aidilfitri jabatan tersebut di Putrajaya semalam. - UTUSAN/ HANIFI KHAMIS